

KANDUNGAN

Kata-kata Aluan Yang Dipertua MDS	2
Kata-kata Aluan Setiausaha MDS	
Ringkasan Eksekutif	3
1. Latarbelakang	
1.1 Pengenalan	4
1.2 Pencapaian MDS	6 - 7
1.3 Carta Organisasi	8
1.4 Punca Kuasa	9
1.5 Fungsi Dan Peranan	10
1.6 Hubungan Dan Pihak Berkepentingan	11
1.7 Senario Persekitaran	12
1.7.1 Isu-isu Strategik	13
1.7.2 Analisis SWOT	14
2. Visi, Misi dan Nilai-Nilai Bersama	
2.1 Pengenalan Pelan Strategik	15
2.2 Visi	16
2.3 Misi	16
2.4 Nilai-nilai Bersama	17
3. Pembentukan Strategi	18-19
3.1 Objektif Strategik, Strategi, Tindakan / Program, Indikator, Sasaran Dan Tahun Sasaran.	20-30
3.2 Peta Strategi	31
4. Penutup	32

KATA-KATA ALUAN YANG DIPERTUA

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah kerana dengan izin dan limpah kurnianya Majlis Daerah Segamat dapat menyediakan Pelan Strategik Majlis Daerah Segamat 2009 – 2015 ini. Pelan Strategik yang disediakan ini merupakan satu dokumen rujukan yang menentukan hala tuju strategik Majlis Daerah Segamat. Visi yang diwujudkan iaitu “Majlis Daerah Segamat sebagai sebuah organisasi yang terurus, cekap dan efektif dalam menjadikan kawasannya makmur dan progresif dengan persekitaran hidup yang sejahtera bagi penduduk dan juga para pengunjung menjelang 2015” adalah jelas menunjukkan hala tuju yang perlu dicapai Majlis Daerah Segamat dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sehingga tahun 2015.

Justeru, Pelan Strategik 2009 – 2015 ini amat kritikal dalam menentu arah dan memastikan visi yang digariskan dapat dicapai. Adalah amat diharapkan dengan adanya dokumen ini, seluruh warga kerja Majlis Daerah Segamat dapat memahami kesan atau impak dari setiap kerja yang mereka lakukan. Pemahaman ini diharapkan mampu meningkatkan semangat untuk melaksanakan tugas dengan lebih baik.

Pelan strategik ini tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan komitmen dan kerjasama semua pihak yang berkepentingan. Sehubungan dengan itu, Majlis Daerah Segamat amat berharap dan menghargai segala sumbangan khususnya daripada Kerajaan Negeri Johor, rakan-rakan kongsi serta para pelanggan kami ke arah mencapai visi yang ditetapkan.

Semoga apa yang telah dirancang dan dilaksanakan ini mendapat keberkatan dan keizinan Allah, agar ia dapat memberi manfaat kepada seluruh penduduk Majlis Daerah Segamat.

Haji Burhan Bin Amin
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Segamat.

KATA-KATA ALUAN SETIAUSAHA

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, khususnya kepada warga kerja Majlis Daerah Segamat dalam menyediakan Dokumen Pelan Strategik Majlis Daerah Segamat bagi tahun 2009 hingga 2015.

Pembentukan pelan strategik ini dimulakan dengan beberapa siri perbincangan dan bengkel bagi membincangkan visi, misi dan halatuju Majlis Daerah Segamat bagi beberapa tahun akan datang. Objektif dan strategi yang digariskan telah mengambilkira Dasar-dasar pembangunan semasa yang sedang berkuatkuasa. Tempoh enam (6) tahun bermula 2009 dipilih kerana tempoh ini dianggap praktikal bagi melaksanakan strategi yang digariskan. Walau bagaimanapun pelan strategik ini akan dikaji semula setiap tahun mengikut keperluan semasa.

Pelan strategik ini akan dijadikan bahan rujukan utama dan panduan kepada semua warga kerja Majlis Daerah Segamat dalam melaksanakan tugas dan membuat keputusan bagi mencapai Visi dan Misi yang ditetapkan. Kejayaan Pelaksanaan Pelan Strategik ini adalah bergantung sepenuhnya kepada komitmen seluruh warga kerja Majlis Daerah Segamat sama ada diperingkat pengurusan atasan, pengurusan pertengahan dan kumpulan sokongan. Diharapkan semua warga kerja akan dapat menghayati Pelan Strategik ini untuk kita bersama-sama bekerja dalam satu pasukan bagi merealisasikan aspirasi Visi 2015 Majlis Daerah Segamat.

Mustaffa Kamal Bin Shamsudin
Setiausaha
Majlis Daerah Segamat

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Majlis Daerah Segamat telah disediakan dengan hasrat untuk membentuk Majlis Daerah Segamat sebagai sebuah organisasi yang berpandangan jauh dan fokus kepada pencapaian visi yang ditetapkan. Ia akan menjadi dokumen yang mengariskan hala tuju Majlis Daerah Segamat hingga 2015, yang mana selepas itu, pelan ini akan dinilai keberkesanannya dan hala tuju baru akan diwujudkan.

Pelan Strategik ini mengandungi **Visi MDS** iaitu **“Majlis Daerah Segamat sebagai sebuah organisasi yang terurus, cekap dan efektif dalam menjadikan kawasannya makmur dan progresif dengan persekitaran hidup yang sejahtera bagi penduduk dan juga para pengunjung menjelang 2015”**. Bagi mencapai matlamat visi ini, maka **Misi utama MDS** adalah **“merancang, mengurus, mengawalselia dan menyampaikan perkhidmatan dengan cekap dan berkesan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat”**

Pembentukan Visi dan Misi ini selaras dengan nilai-nilai bersama yang terapkan iaitu **Mengutamakan Pelanggan** dengan **Dedikasi, Akauntabiliti, Integriti** dalam **Satu Pasukan**.

Bagi merealisasikan pelaksanaan strategi ini, **6 teras objektif Strategik** telah dibentuk iaitu :

- i.) Mempertingkatkan keupayaan dan kapasiti Majlis Daerah segamat.
- ii.) Memperkasakan tadbir urus Majlis Daerah Segamat ke arah menjadikannya sebuah organisasi yang cemerlang.
- iii.) Memperkasakan program pembangunan ke arah meningkatkan kualiti hidup komuniti.
- iv.) Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan pertumbuhan ekonomi ke arah ke makmuran kawasan Majlis Daerah Segamat.
- v.) Mempertingkatkan usaha ke arah membentuk masyarakat yang berpendidikan, partisipatif dan harmoni.
- vi.) Memantapkan kolaborasi strategik bagi meningkatkan daya laksana dan keberkesanan program pembangunan fizikal dan sosial.

Setiap objektif strategik ini akan diperincikan melalui beberapa pelan tindakan seperti yang terkandung di dalam laporan ini.

BAHAGIAN 1

LATARBELAKANG

1.1 PENGENALAN

Majlis Daerah Segamat (MDS) merupakan sebuah Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Johor yang mempunyai kuasa autonomi sebagai sebuah Kerajaan Tempatan. Kawasan pentadbirannya meliputi kawasan seluas 265.53 km persegi atau 66,275 ekar dengan bilangan penduduk seramai 91,058 orang mengikut banci tahun 2000. Walau bagaimanapun, jumlah penduduk semasa dianggarkan pada sekitar 160,000 orang.

MDS pada asalnya adalah sebuah Lembaga bandaran yang ditubuhkan pada tahun 1921. Pada ketika ia ditubuhkan, peranan utamanya adalah untuk mendaftar kenderaan dan anjing, mengadakan lampu jalan, bekalan air, perkhidmatan bomba dan pasar awam. Fungsi pengawalan kesihatan awam hanya dilaksanakan pada tahun 1925.

Pada tahun 1935, tanggungjawabnya ditambah dengan pengawalan jalan-jalan kepunyaan awam dan persendirian, bangunan, memajukan bandar, perancangan bandar serta perkhidmatan dan kemudahan lain.

Pada tahun 1951, ia dinaikkan taraf kepada Majlis Bandaran dengan berkuatkuasanya Ordinan Pilihanraya Penguasa Tempatan 1950. Pada 1.1.1977, melalui Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), ia menjadi sebuah Kerajaan Tempatan dengan nama Majlis Daerah Segamat Utara.

Pada 30 November, 2000, nama Majlis Daerah Segamat Utara ditukar kepada Majlis Daerah Segamat.

1.2 PENCAPAIAN MDS


Sepanjang menjalankan tanggungjawab sebagai sebuah organisasi, MDS telah menggondol beberapa anugerah dalam pelbagai pertandingan seperti berikut :-

Tahun	Keterangan Anugerah Yang Diterima
1993	Tempat Pertama Program Bersih Dan Indah Negeri Johor Tempat Pertama Pertandingan Halaman Cantik Tempat Pertama Landskap Peringkat Negeri Johor – Kategori Bangunan Kerajaan Tempat Kedua Program Bersih & Indah (Peringkat Kebangsaan) – Kategori Majlis Daerah
1994	Tempat Pertama Pertandingan Landskap Peringkat Negeri Johor – Kategori Bangunan Kerajaan Tempat Pertama Pertandingan Landskap Bersempena Hari Kebangsaan Peringkat Kebangsaan 1994 – Kategori Pejabat Kerajaan / Institusi Pengajian Tempat Pertama Perbarisan Badan-badan Berkanun Daerah Segamat Sempena Hari Kebangsaan
1996	Tempat Pertama Landskap Peringkat Negeri Johor - Kategori Bangunan Kerajaan (1996) Tempat Kedua Pertandingan Landskap Bersempena Perayaan Hari Kebangsaan Peringkat Kebangsaan 1996 – Kategori Taman Awam Dan Rekreasi (Taman Bunga Batu Hampar)
1997	Tempat Ketiga Halaman Tercantik Negeri Johor (1997)
2000	Tempat Kedua Landskap Negeri Johor (2000) – Kategori Bangunan Kerajaan Dan Institusi Tempat Kedua Taman Bandar & Awam Negeri Johor (2000) Tempat Kedua Pertandingan Landskap Bersempena Hari Kebangsaan Ke-43 Peringkat Kebangsaan – Kategori Taman Bandar / Awam.
2001	Tempat Pertama Landskap Peringkat Negeri Johor (Juara Antara Juara) - Kategori Bangunan Kerajaan Tempat Kedua Pertandingan Landskap Negara 2001- Juara Antara Juara (Kategori Bangunan Kerajaan). Tempat Kedua Perbarisan Badan-badan Berkanun Daerah Segamat Sempena Hari Kebangsaan (2001)

	Keterangan Anugerah Yang Diterima
--	--

Tahun	
2002	Tempat Pertama Pertandingan Landskap Negara 2002- Juara Antara Juara (Kategori Bangunan Kerajaan)
2003	Tempat Ke-3 Pertandingan Landskap Negeri Johor – Kategori Taman Bandar (Taman Bunga Batu Hampar) Tempat Ke-3 Pertandingan Landskap Negeri Johor – Kategori Taman Kejiranan (Taman Kejiranan Taman Yayasan Fasa 2)
2004	Tempat Ke-3 Pertandingan Perbarisan Hari Kemerdekaan Ke-47 Peringkat Daerah – Kategori Jabatan Kerajaan Pemenang Kategori "Keaslian Terbaik' Pertandingan Rekabentuk Gerai PBT Sempena Sambutan Hari Landskap Negeri Johor.
2005	Tempat Pertama Pertandingan Laman Web Jabatan / Agensi / ADUN Peringkat Negeri Johor – Kategori Pihak Berkuasa Tempatan. Naib Johan Pertandingan Perbarisan Sempena Hari Kebangsaan 2005 Peringkat Negeri Johor – Kategori Daerah Tempat Ke-3 Pertandingan Pakaian Sempena Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Johor.
2006	Tempat Ke-3 Pertandingan Perbarisan Hari Kebangsaan Ke-49 Peringkat Daerah Segamat – Kategori Jabatan Kerajaan
2008	Tempat Pertama Pertandingan Pakaian Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-51 Peringkat Daerah Segamat. Persijilan MS ISO 9001:2000 oleh SIRIM QAS

1.3 CARTA ORGANISASI



1.4 PUNCA KUASA

- Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171)
- Akta Perancangan Bandar (Akta 172)
- Akta Jalan Parit dan Bangunan (Akta 133)
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam

1.5 FUNGSI DAN PERANAN

Fungsi semasa Majlis Daerah Segamat adalah seperti berikut:

- Memberikan perkhidmatan bandar yang terbaik seperti pengurusan sisa pepejal, penyelenggaraan jalan, parit dan longkang, penyelenggaraan lampu-lampu isyarat dan lampu-lampu awam di seluruh kawasan Majlis Daerah Segamat.
- Mewujudkan perancangan strategik untuk membangunkan bandar, mengurangkan masalah lalu lintas dan pencemaran alam sekitar.
- Mewujudkan bandar yang bersih dan indah.
- Menyedia dan mempertingkatkan kemudahan awam bagi kemudahan penduduk dan para pengunjung yang datang.
- Memberikan perkhidmatan pentadbiran yang cekap dengan menggunakan kemudahan ICT supaya lebih responsif kepada keperluan pelanggan.
- Mengeluarkan lesen-lesen perniagaan dan permit-permit yang diperlukan bagi menjalankan sesuatu perniagaan.
- Mengeluarkan permit-permit, kelulusan pelan kerja tanah dan juga kelulusan pelan-pelan bangunan bagi mengawal pembinaan bangunan dan juga struktur-struktur sementara dalam kawasan MDS.
- Memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan mahupun swasta.
- Memastikan sistem kewangan MDS sentiasa efektif dan mempunyai akauntabiliti.
- Mempertingkatkan program-program pembangunan kemanusiaan kepada kakitangan dan penduduk dalam kawasan Majlis Daerah Segamat.
- Menggalakkan sektor pelancongan dan kebudayaan sejajar dengan dasar kerajaan dan aspirasi rakyat

Setiap peranan di atas dilaksanakan oleh 7 buah bahagian yang ditubuh bagi melancarkan sistem pentadbiran MDS.

Carta 1.5 : FUNGSI BAHAGIAN MAJLIS DAERAH SEGAMAT




1.6 HUBUNGKAIT DAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Majlis Daerah Segamat berurusan dengan pelbagai pihak dalam melaksanakan fungsi dan peranannya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan. **Pelanggan MDS** terdiri daripada semua penduduk dalam kawasan Majlis Daerah Segamat terutamanya pembayar cukai, warga kerja sektor kerajaan dan swasta, badan-badan bukan kerajaan, syarikat-syarikat konsesi, pengusaha-pengusaha sektor perniagaan dan perindustrian, pemilik-pemilik bangunan serta pengunjung dan juga pelancong sama ada dari dalam atau luar negara.

Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan juga ahli-ahli Majlis merupakan **Pemegang kepentingan** kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan di MDS. Ini adalah kerana salah satu peranan penting MDS adalah sebagai agen pelaksana dasar-dasar kerajaan.

Rakan kongsi MDS pula terdiri dari pelbagai pihak yang sentiasa bersama-sama merencana dan membangunkan MDS seperti agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat utiliti serta sektor swasta terutamanya yang terlibat secara langsung dengan pembangunan seperti pemaju, perunding dan juga kontraktor. Sebagai rakan kongsi, hubungkait mereka dengan MDS dapat membentuk kerjasama strategik yang membolehkan MDS menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggannya. Carta di bawah menunjukkan hubungan MDS dengan Pihak Berkepentingan.

Carta 1.6 : HUBUNGKAIT PIHAK BERKEPENTINGAN



1.7 SENARIO PERSEKITARAN

1.7.1 ISU-ISU STRATEGIK

Berdasarkan kepada analisis kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman (SWOT Analisis) seperti di bahagian 1.7.2, isu-isu strategik yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut :-

1. **Keperluan untuk membuat perancangan dan penyelenggaraan aset-aset dan fasiliti supaya tahap keselesaan dan pengendalian sekitarannya yang kondusif dapat terus dikekalkan.**

Keperluan ini amat mendesak kerana PBT Johor mempunyai kemudahan dan fasiliti yang mencukupi dan lengkap serta masih mempunyai tanah yang luas untuk membangunkan kemudahan-kemudahan latihan tambahan. Kemudahan-kemudahan latihan ini juga perlu dipertingkatkan dengan memanfaatkan kemudahan-kemudahan berasaskan teknologi ICT. Perancangan pembangunan perlu dilakukan secara terancang bagi memastikan sumber-sumber yang ada dioptimalkan penggunaannya.

2. **Keperluan untuk membangunkan kepimpinan transformasional.**

Langkah ini bertujuan untuk mewujudkan agen perubahan yang berupaya untuk membangun dan menggerakkan anggota melakukan transformasi bagi melaksanakan perubahan.

3. **Keperluan untuk melaksanakan pengurusan sumber manusia yang lebih sistematik dan teratur.**

Pelaksanaan ini akan dapat memastikan PBT Johor sentiasa mempunyai bilangan dan tahap kompetensi anggota yang sesuai dengan keperluan PBT Johor untuk melaksanakan latihan dengan berkesan.

4. **Keperluan untuk memantapkan tadbir urus.**

Langkah ini antara lain untuk memastikan pematuhan kepada semua peraturan khususnya peraturan kewangan serta memantapkan pembudayaan pengurusan prestasi dalam menentukan keberkesanan program-program yang dilaksanakan. Amalan ini akan mewujudkan semangat dan iltizam untuk menghasilkan program yang bersifat "value for money".

5. Keperluan untuk mewujudkan budaya kerja yang positif berteraskan inovasi dan kreativiti.

Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan penghayatan dan pembudayaan penambaan berterusan supaya PBT Johor sentiasa maju dan kehadapan dalam menguruskan latihan.

6. Keperluan untuk memanfaatkan teknologi ICT dalam urusan penyampaian perkhidmatan

Langkah ini akan dapat memastikan capaian oleh pelanggan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh PBT berdasarkan pendekatan 24 x 7. Langkah ini juga akan memudahkan berurusan secara terus dengan PBT.

7. Keperluan untuk membangunkan jaringan kerjasama

Langkah ini akan membantu PBT Johor memperolehi faedah daripada perkongsian maklumat dan kemahiran serta meningkatkan kerjasama. Jaringan kerjasama dengan institut-institut latihan antarabangsa akan dengan sendirinya melonjakkan imej PBT Johor.

8. Keperluan untuk memantapkan pembudayaan dan penghayatan nilai-nilai murni

Ini adalah kerana terdapat anggota yang kurang mempunyai semangat *esprit de corp*.

9. Keperluan untuk memantapkan imej Majlis Daerah Segamat

Langkah ini bertujuan untuk meningkat persepsi pelanggan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Majlis daerah Segamat.

10. Keperluan untuk merancang dan membangunkan daerah secara holistic dan seimbang.

Langkah ini bertujuan untuk memastikan setiap perancangan dan pembangunan infrastruktur mengambil kira segala aspek keperluan pelanggan dan mewujudkan persekitaran yang sejahtera.

11. Keperluan untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selamat.

Langkah ini bertujuan untuk menggalakkan penempatan yang dapat menyumbang kepada peningkatan taraf hidup masyarakat setempat.

1.7.2 ANALISIS SWOT

Setelah meneliti senario keadaan semasa, berikut dikenalpasti beberapa analisa SWOT seperti berikut :

<p>KEKUATAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Sikap untuk berdaya saing. ■ Semangat kekitaan. ■ Prosedur kerja yang diiktiraf MS ISO 9001:2000 (International Standard). ■ Pelan Pembangunan Yang Terancang. ■ Kuasa Autonomi Kewangan. 	<p>KELEMAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Kepimpinan Yang Sentiasa Berubah. ■ Sumber Kewangan Yang Terhad. ■ Masih Menggunakan Aras Nilai Lama Untuk Penilaian Cukai Harta. ■ Penguatkuasaan Yang Kurang Efektif. ■ Terdapat Kakitangan Yang Kurang Mahir. ■ Kurang kesedaran terhadap teknologi Terkini. ■ Ruang Pejabat Yang Terhad. ■ Kakitangan yang kurang motivasi ■ Kakitangan yang kurang peka dengan peraturan.
<p>PELUANG</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Sokongan Kerajaan. ■ Pusat Pentadbiran Daerah. ■ Penglibatan Penduduk Masyarakat Yang Responsif ■ Terdapat institusi pengajian tinggi. ■ Ahli politik yang aktif. ■ Badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif. ■ Kawasan potensi pembangunan yang luas. ■ Lokasi yang strategik sebagai laluan penghubung timur dan barat Semenanjung Malaysia. ■ Tarikan produk tempatan seperti durian, ikan baung, udang galah dan limau bali Jementah. 	<p>ANCAMAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ■ Persepsi Negatif Masyarakat terhadap program Majlis Daerah Segamat. ■ Campur Tangan Politik. ■ Industri Tidak Terancang. ■ Kehadiran Pekerja-Pekerja Asing. ■ Kefidakcekapan Syarikat Konsesi. ■ Saingan Dengan Bandar Berdekatan. ■ Kurang peluang pekerjaan. ■ Migrasi Keluar Generasi Muda. ■ Tahap Kesedaran ICT Penduduk Masih Rendah. ■ Pemahaman Masyarakat Terhadap Fungsi Majlis Daerah Segamat. ■ Pertindihan Bidang Tugas antara jabatan-jabatan kerajaan. ■ Pembuangan Sampah Haram. ■ Bencana alam. ■ Kejatuhan ekonomi. ■ Peningkatan masalah gejala sosial. ■ Sistem perhubungan jalan yang kurang selesa.

BAHAGIAN 2 VISI, MISI DAN NILAI-NILAI BERSAMA

2.1 PENGENALAN PELAN STRATEGIK

Pelan Strategik ini disediakan dengan tujuan untuk memperlengkapkan Majlis Daerah Segamat dengan satu dokumen yang menggariskan hala tuju serta langkah-langkah yang perlu dilaksana ke arah mencapai matlamat yang ditetapkan.

Penyediaan pelan strategik ini mengambilkira pelbagai aspek penting meliputi dasar-dasar kerajaan yang sedia ada, dokumen-dokumen perancangan yang berkaitan, aspirasi kerajaan sama ada kerajaan negeri mahupun kerajaan persekutuan, realiti sebelum dan semasa, kesepakatan anggota organisasi dan juga tempoh masa perancangan.

Halatuju MDS ini akan dimantapkan melalui penetapan Visi dan Misi serta Nilai-Nilai bersama yang menjadi faktor kejayaan dan asas rujukan dalam menyediakan pelan strategik ini. Model pengurusan strategik adalah seperti rajah di bawah :-

Rajah 2.1 : MODEL PENGURUSAN STRATEGIK



2.2 VISI

“Majlis Daerah Segamat sebagai sebuah organisasi yang terurus, cekap dan efektif dalam menjadikan kawasannya makmur dan progresif dengan persekitaran hidup yang sejahtera bagi penduduk dan juga para pengunjung menjelang 2015”

Visi MDS ini menetapkan satu halatuju yang diharapkan dapat dicapai menjelang tahun 2015. Visi ini merangkumkan tiga komponen utama iaitu terurus dalam aspek kawalan organisasi MDS, cekap & efektif terhadap memakmurkan kawasannya dan dalam masa yang sama memberi perhatian terhadap kesejahteraan persekitaran hidup penduduk dan juga pengunjung. Sejahtera, dalam konteks ini, membawa maksud sejahtera dari aspek kesihatan, persekitaran, keselamatan, keharmonian dan pencapaian ekonomi. MDS mensasarkan tahun 2015 bagi mencapai visi yang telah ditetapkan kerana tempoh 5 tahun adalah satu tempoh yang realistik bagi melaksanakan strategi-strategi yang telah dirangka.

2.3 MISI

Misi Majlis Daerah Segamat adalah untuk **“Merancang, Mengurus, Mengawalselia dan Menyampaikan Perkhidmatan dengan cekap dan berkesan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat”** dengan :

- Penyediaan perkhidmatan yang terbaik, kawalan kesihatan yang komprehensif dan juga penyediaan prasarana dan infrastruktur yang berkualiti.
- Menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pembangunan sektor perdagangan dan juga perindustrian dengan menyediakan dasar dan polisi yang mesra bisnes bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi.
- Menguatkuasakan undang-undang secara telus, adil dan berintegriti bagi memastikan kawasan pentadbirannya terurus selain membentuk masyarakat yang berdisiplin dan patuh kepada undang-undang.
- Mengawal, menyelaras dan memantau aktiviti pembangunan dan juga perniagaan bagi mewujudkan alam persekitaran yang bersih dan indah.

- Memastikan sistem perhubungan yang menyeluruh dan berkesan bagi meningkatkan tahap mobiliti dan aksesibiliti penduduk dalam kawasan Majlis Daerah Segamat.
- Membina organisasi yang berprestasi tinggi, cekap dan mesra pelanggan.

2.4 MENDAPATKAN NILAI BERSAMA

M
D
S

MENGUTAMAKAN PELANGGAN

DEDIKASI, AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI

SATU PASUKAN

MENGUTAMAKAN PELANGGAN

Sentiasa berusaha untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti, saksama dan samarata kepada semua lapisan pelanggan dengan bijaksana dan telus

DEDIKASI

Melaksanakan tugas dengan penuh komitmen, dedikasi dan rasa tanggungjawab. Mewujudkan prosedur kerja dan melaksanakan tindakan yang telus, lengkap serta menyelesaikan masalah kerja mengikut masa yang ditetapkan

AKAUNTABILITI

Mempunyai rasa tanggungjawab dan akauntabiliti di dalam segala tindakan dan kelakuan dengan berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisma yang tinggi.

INTEGRITI

Melaksanakan amanah dan kuasa yang diberikan dengan jujur dan saksama. Sentiasa mengawal diri dan perilaku berlandaskan undang-undang, peraturan, prinsip dan nilai murni.

SATU PASUKAN

Mempunyai semangat kekitaan, bekerjasama, bertolak ansur dan sifat setia kawan serta muafakat yang tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi

BAHAGIAN 3


OBJEKTIF STRATEGIK

3.1 OBJEKTIF STRATEGIK

Objektif strategik yang dirangka fokus kepada usaha untuk mencapai visi yang telah ditetapkan. Berikut adalah objektif strategik yang telah dikenalpasti:

- **Memperingkatkan Keupayaan Dan Kapasiti Majlis Daerah Segamat Bagi Memberi Perkhidmatan Yang Terbaik Kepada Penduduk Dalam Kawasan Pentadbirannya.**
- **Memperkasakan Tadbir Urus Majlis Daerah Segamat Ke Arah Menjadikannya Sebuah Organisasi Yang Cemerlang.**
- **Memperkasa Program Pembangunan Untuk Meningkatkan Kualiti Hidup Komuniti.**
- **Mewujudkan Persekitaran Yang Menggalakkan Pertumbuhan Ekonomi Ke Arah Kemakmuran Kawasan MDS.**
- **Memperingkatkan Usaha Ke Arah Menbentuk Masyarakat Yang Berpendidikan, Partisipatif Dan Harmoni .**
- **Memantapkan Kolaborasi Strategik Bagi Meningkatkan Daya Laksana Dan Keberkesanan Program Pembangunan Fizikal Dan Sosial.**

6 Teras Obejktif Strategik Ke Arah Mencapai Visi



OBJEKTIF STRATEGIK 1

MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI MAJLIS DAERAH SEGAMAT BAGI MEMBERI PERKHIDMATAN YANG TERBAIK KEPADA PENDUDUK DALAM KAWASAN PENTADBIRANNYA.

Majlis Daerah Segamat (MDS) sebagai pemberi perkhidmatan perbandaran perlu meningkatkan keupayaan dan kapasitinya bagi memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada penduduk dalam kawasanya. Keupayaan dan kapasiti MDS pada asasnya banyak bergantung kepada pelbagai sumber seperti modal insan, harta modal dan juga sumber kewangan. Oleh yang demikian, bagi memastikan keberkesanan pemberian perkhidmatannya, sumber-sumber tersebut perlulah diurus dengan baik. Struktur organisasi MDS, umpamanya, perlulah disusun supaya mampu melaksanakan setiap satu fungsi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan. Kakitangan MDS pula perlu diberikan latihan-latihan khusus yang menjurus kepada meningkatkan keupayaan dan kemahiran mereka dalam melaksanakan tugas-tugas masing-masing bagi membolehkan perkhidmatan yang terbaik diberikan.

Oleh itu bagi mencapai objektif yang digariskan iaitu mempertingkatkan keupayaan dan kapasiti MDS, strategi-strategi yang dirangka lebih menjurus ke memperkukuhkan struktur organisasi, memantapkan pembangunan modal insan, memperlengkapkan organisasi dengan peralatan dan suasana kerja yang diperlukan dan meningkatkan keupayaan kewangan organisasi.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Memantapkan pembangunan organisasi	Memperkukuhkan struktur dan skim Perkhidmatan organisasi Memantapkan penghayatan budaya organisasi cemerlang	Penarafan dalam Star Rating PBT	Mendapat penarafan sekurang-kurangnya 4 Bintang /(tahun sasaran 2015)
Memantapkan pengurusan sumber manusia	Mewujudkan Pelan Komprehensif Sumber Manusia Mempertingkatkan kompetensi pegawai Memantapkan pengurusan prestasi	Tahap Kompetensi Pekerja	Tahap kompetensi Pekerja yang mendapat aras 4 melebihi 50%setiap tahun

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif	<p>Mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan</p> <p>Mempertingkatkan jalinan hubungan antara pihak pengurusan –pekerja</p> <p>Meningkatkan kemudahan dan fasiliti pejabat</p>	Tahap Kepuasan Pekerja	Tahap kepuasan melebihi 70% Setiap tahun
Memantapkan Keupayaan kutipan hasil	<p>Mempelbagaikan kaedah kutipan dan saluran pembayaran hasil</p> <p>Meningkatkan kecekapan sistem pemantauan kutipan hasil</p> <p>Mempertingkatkan keberkesanan kutipan hasil tertunggak</p>	<p>Jumlah kutipan hasil</p> <p>Jumlah kutipan hasil tertunggak</p>	<p>Jumlah kutipan hasil melebihi 90 % dari anggaran / (tahun sasaran 2011)</p> <p>Jumlah kutipan melebihi ? % dari jumlah keseluruhan hasil tertunggak/(tahun sasaran?)</p>
Mempelbagaikan sumber hasil	<p>Memperkasa dan memperhebatkan kegiatan ekonomi dan pelaburan yang berimpak tinggi</p> <p>Meningkatkan kemudahan dan peluang sosioekonomi Bandar</p> <p>Mewujudkan dan menggalakkan pembangunan kawasan penempatan baru</p>	<p>Jumlah hasil dari sumber</p> <p>Pertumbuhan ekonomi penduduk</p>	<p>Jumlah hasil meningkat sebanyak 30 % setiap tahun</p> <p>Peningkatan 70 % pertumbuhan ekonomi penduduk/(tahun sasaran 2012)</p>

OBJEKTIF STRATEGIK 2

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS MAJLIS DAERAH SEGAMAT KE ARAH MENJADIKANNYA SEBUAH ORGANISASI YANG CEMERLANG.

Tadbir urus merupakan satu proses yang melibatkan dua proses utama iaitu proses pembuatan keputusan dan proses melaksanakan keputusan yang telah dibuat. Tadbir urus yang baik melibatkan pengurusan sumber dengan efektif dan mempunyai akauntabiliti dalam kedua-dua proses yang dinyatakan. Antara ciri-ciri utama tadbir urus yang baik di sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti pengurusan kewangan efektif dan mempunyai akauntabiliti, melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang berkesan, penguatkuasaan undang-undang yang cekap dan berkesan dan memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Meningkatkan Kecekapan pengurusan Kawalan dalaman	Memperkukuh dan melaksanakan sistem pemantauan pengurusan Mempertingkatkan penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni Mengoptimumkan kos operasi Majlis	Indeks Akauntabiliti (Audit Negara) Prestasi perbelanjaan	Mendapat penarafan sekurang-kurangnya 4 Bintang /(tahun sasaran 2015) Mencapai perbelanjaan seimbang antara hasil dan perbelanjaan / (tahun sasaran 2011)
Memantapkan sistem dan prosedur kerja	Menyemak pemakaian dan keberkesanan peraturan /undang-undang sedia –ada Memperkasa dan menambah baik sistem dan prosedur kerja	Tahap Kepuasan Pelanggan	Tahap kepuasan melebihi 80% setiap tahun
Mempertingaktkan keberkesanan penguatkuasaan	Mewujudkan kod etika dan amalan Terbaik penguatkuasaan Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan anggota penguatkuasa	Jumlah kes yang disabitkan	Jumlah kes yang tidak dapat disabitkan tidak melebihi 10% setahun

OBJEKTIF STRATEGIK 3

MEMPERKASA PROGRAM PEMBANGUNAN UNTUK MENINGKATKAN KUALITI HIDUP KOMUNITI.

Persekitaran hidup yang berkualiti sentiasa menjadi fokus Majlis Daerah Segamat dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan penduduk dalam kawasanya. Antara yang diberikan penekanan dalam mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti adalah dengan mempertingkatkan penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan dan infrastruktur yang berkualiti, program-program pengindahan, program-program untuk meningkatkan tahap keselamatan dan juga perkhidmatan perbandaran yang terbaik.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur awam	Membangunkan Pelan Pembangunan Kemudahan dan Infrastruktur Awam yang komprehensif. Memperudahkan proses penyediaan kemudahan dan infrastruktur oleh jabatan/agensi Kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan.	Tahap Kepuasan Pelanggan	Tahap kepuasan melebihi 80 % setiap tahun
Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan	Mempertingkatkan pengawalseliaan terhadap syarikat konsesi. Mewujudkan Pusat Maklum Balas Komuniti dan Jawatankuasa Perhubungan Komuniti.	Tahap Kepuasan Pelanggan Aduan Komuniti	Tahap kepuasan melebihi 80 % setiap tahun Setiap tahun 80 % aduan komuniti dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan
Mewujudkan persekitaran yang indah, bersih, selamat dan selesa	Memastikan pelaksanaan projek pembangunan selaras dengan kelulusan yang diberi. Meningkatkan kesedaran dan menerapkan budaya kebersihan persekitaran. Meningkatkan penghayatan dan kesedaran gaya hidup sihat. Meningkatkan kesedaran penjagaan alam sekitar.	Indeks Kualiti Hidup	Peningkatan 90% Indeks Kualiti Hidup/(tahun sasaran 2015)

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Memperkuhkan pengurusan aset dan fasiliti awam	Membangunkan Pelan Penyelenggaraan Fasiliti Awam. Mempertingkatkan Penggunaan Sistem Pengurusan Aset.	Kos penyelenggaraan Jangka hayat aset dan kemudahan	Penurunan 10 % kos penyelenggaraan Peningkatan 80 % jangka hayat aset dan kemudahan

OBJEKTIF STRATEGIK 4

**MEMANTAPKAN KOLABORASI STRATEGIK BAGI MENINGKATKAN DAYA LAKSANA DAN
KEBERKESANAN PROGRAM PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN SOSIAL.**

Bagi memastikan MDS mencapai visi yang ditetapkan, kerjasama dengan pelbagai pihak adalah diperlukan. Ini adalah kerana dengan kemampuan kewangan dan sumber manusia yang terhad, MDS tidak akan mampu melaksanakan semua program yang perlu dilaksanakan. Untuk itu, kerjasama bijak di antara sektor swasta, agensi-agensi kerajaan persekutuan dan juga negeri diperlukan memandangkan setiap pihak ini mempunyai kepentingannya tersendiri. Aspek ini perlu dieksploit dengan fokus kepada visi yang ditetapkan.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Memantapkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan	Mewujudkan mekanisme penyelarasan pelaksanaan dengan agensi Kerajaan, NGO serta pihak swasta. Mempertingkatkan perkongsian sumber, Tanggungjawab dan kepakaran dengan PBT yang bersempadan.	Tahap Kepuasan Pelanggan Bilangan kerjasama strategik	Tahap kepuasan melebihi 80% setiap tahun Peningkatan 50% bilangan kerjasama strategik/(tahun sasaran 2012)
Memperkuatkan jalinan dan penyertaan komuniti dalam aktiviti dan program Majlis	Mempertingkatkan penglibatan komuniti dalam perancangan dan pelaksanaan program Majlis	Penyertaan komuniti	70% penglibatan komuniti dalam perancangan program/aktiviti. 70% penyertaan komuniti dalam program/aktiviti/(tahun sasaran 2011)
Memperkasa imej Majlis	Membangunkan Pelan Penjenamaan semula Majlis. Membangunkan Pelan Media. Mempertingkatkan keberkesanan program promosi	Persepsi Masyarakat	80% masyarakat berpandangan positif terhadap Majlis (tahun sasaran 2012)

OBJEKTIF STRATEGIK 5

**MENINGKATKAN USAHA KE ARAH MEMBENTUK MASYARAKAT YANG BERPENDIDIKAN,
PARTISIPATIF DAN HARMONI**

Masyarakat yang berpendidikan dan partisipatif adalah amat diperlukan bagi memastikan program-program yang dirancang oleh MDS mendapat respons yang diharapkan. Oleh itu, strategi yang dirumus bukan sahaja menumpukan untuk mewujudkan masyarakat yang dimaksudkan malah menggalakkan penyertaan mereka dalam program-program yang telah direncana. Keharmonian sesama penduduk juga perlu diberi penekanan kerana ia mampu menggalakkan semangat bekerjasama dan toleransi antara pelbagai kaum yang ada dalam satu-satu komuniti.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Memperkuhkan penglibatan dan penyertaan komuniti dalam aktiviti dan program Majlis.	Melaksanakan program-program Local Agenda 21 (LA21)	Bilangan program yang dilaksana berpandu kepada prinsip LA21.	85 % program yang dilaksanakan oleh MDS berpandukan kepada prinsip LA 21.
	Memantapkan jawatankuasa penduduk di taman-taman perumahan	Bilangan Jawatankuasa penduduk aktif.	Peratus JKP yang aktif meningkat sebanyak 30 peratus.
	Mewujudkan insentif bagi komuniti aktif	Perbelanjaan yang dikeluarkan kepada komuniti aktif.	Peningkatan perbelanjaan kepada komuniti aktif sebanyak 10 peratus setiap tahun
	Melaksanakan program bagi memupuk sikap bekerjasama dan saling mengenali antara satu sama lain.	Bilangan Program Masyarakat yang dilaksanakan.	80 % program yang dirancang dapat dilaksanakan.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
<p>Membentuk masyarakat minda kelas pertama melalui pendidikan dalam komuniti</p>	<p>Membangunkan perpustakaan Majlis Daerah Segamat sebagai Perpustakaan berkualiti yang menjadi sumber rujukan utama masyarakat setempat.</p> <p>Bekerjasama dengan lain-lain agensi dalam menggalakkan budaya membaca di kalangan penduduk Majlis Daerah Segamat.</p> <p>Bekerjasama dengan institusi-institusi pengajian tinggi dalam menggalakkan masyarakat untuk menimba ilmu tanpa mengira usia.</p>	<p>Bilangan pengunjung berdaftar.</p> <p>Bilangan ahli yang meminjam buku di perpustakaan.</p> <p>Bilangan penyertaan program-program pembelajaran komuniti.</p>	<p>Peningkatkan bilangan pengunjung sebanyak 30 %.</p> <p>Peningkatan peminjam buku sebanyak 30 %.</p> <p>Peningkatan jumlah penyertaan.</p>

OBJEKTIF STRATEGIK 6

MEWUJUDKAN PERSEKITARAN YANG MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI KE ARAH KEMAKMURAN KAWASAN MDS

Persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi adalah diperlu bagi menjadi MDS sebuah kawasan yang maju, makmur dan progresif. Sektor-sektor ekonomi utama seperti sektor perkhidmatan dan juga perindustrian amat sensitif persekitarannya. Keadaan ini memerlukan strategi yang komprehensif bagi memastikan MDS kekal sebagai destinasi pelaburan utama sektor-sektor ekonomi tersebut.


Jaringan perhubungan yang efektif juga perlu diberikan perhatian dalam usaha untuk menggalakkan pertumbuhan sektor ekonomi. Aspek ini amat diperlukan bagi memastikan daya saing yang tinggi sesebuah bandar atau kawasan. Tanpa sistem perhubungan yang efektif, kos pelaburan akan menjadi lebih tinggi dan dengan itu mengurangkan daya tarikan sesebuah kawasan itu.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Menggalakkan pembangunan ekonomi di Majlis Daerah Segamat.	Memudahcara proses permohonan lesen perniagaan.	Tempoh masa lesen perniagaan diluluskan.	Mengikut KPI yang ditetapkan (tahun sasaran 2009)
	Menyediakan insentif galakan tertentu bagi menggalakkan perniagaan yang mempunyai kepentingan strategik.	Jumlah Pelaburan	Bilangan pelaburan bertambah sebanyak 10 % setiap tahun.
		Bilangan Lesen Perniagaan dikeluarkan	Peningkatan sebanyak 10 % setiap tahun.
		Jumlah peluang pekerjaan diwujudkan.	Peningkatan sebanyak 10 % setiap tahun.
	Menyediakan program pemantauan dan penyelarasan pembangunan infrastruktur di kawasan perniagaan dan juga perindustrian.	Jumlah Pelaburan	Bilangan pelaburan bertambah sebanyak 10 % setiap tahun.
	Mengenalpasti dan menyelaraskan pembangunan kawasan-kawasan berpotensi / sesuai untuk dimajukan.	Pembangunan di kawasan-kawasan pembangunan baru.	Sebuah Kawasan pembangunan baru dibangunkan setiap 5 tahun.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
	<p>Menyelaras penambahbaikan sumber pelancongan sedia ada, terutamanya infrastruktur dan kemudahan.</p> <p>Mempertingkatkan penglibatan golongan Bumiputera dan golongan berpendapatan rendah dalam sektor ekonomi bandar.</p>	<p>Bilangan pelancong.</p> <p>Bilangan peniaga Bumiputera dan di kawasan Bandar</p>	<p>Peningkatan bilangan pelancong sebanyak 20 % setiap tahun.</p> <p>Peningkatan bilangan peniaga Bumiputera sebanyak 10 % setiap tahun.</p>
<p>Mempertingkatkan Kualiti Dan Kecekapan Sistem Perhubungan Yang Mempunyai Kepentingan Strategik.</p>	<p>Membangunkan jalan-jalan baru sepertimana yang dicadangkan dalam Rancangan Tempatan Daerah Segamat.</p> <p>Memperbaiki dan Mempertingkatkan kemudahan di Terminal Pengangkutan Awam Segamat.</p> <p>Menggalakkan usaha untuk mewujudkan sistem pengangkutan udara di Majlis Daerah Segamat.</p>	<p>Bilangan jalan dibangunkan mengikut cadangan RTD.</p> <p>Indeks Persepsi Masyarakat</p> <p>Kewujudan Sistem Pengangkutan Udara</p>	<p>70 %cadangan jalan RTD dibangunkan/ (tahun sasaran 2015)</p> <p>Indeks Persepsi Masyarakat meningkat sebanyak 10 % setiap tahun.</p> <p>Sekurang-kurangnya satu syarikat pengendali sistem pengangkutan udara beroperasi/ (tahun sasaran 2015)</p>

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI	INDIKATOR/ TAHUN SASARAN
Meningkatkan Tahap Sistem Komunikasi Sediada	<p>Menggalakkan syarikat-syarikat telekomunikasi untuk meningkatkan tahap perkhidmatan di kawasan Majlis Daerah Segamat.</p> <p>Menggalakkan pemberi perkhidmatan internet jalur lebar untuk beroperasi di kawasan Majlis Daerah Segamat.</p>	<p>Tahap Perkhidmatan.</p> <p>Bilangan pengguna internet jalur lebar.</p>	<p>Peningkatan tahap perkhidmatan syarikat telekomunikasi./ (tahun sasaran 2011)</p> <p>Pertambahan bilangan pengguna internet jalur lebar sebanyak 10 % setiap tahun.</p>

3.1 PETA STRATEGI



PENUTUP

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat dan masyarakat perniagaan yang terus meningkat. Justeru, Pelan Strategik Majlis Daerah Segamat telah menggariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta pelan tindakan yang perlu dilaksanakan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan dan penilaian agar program yang dirangka dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan sasaran yang ditetapkan. Pelan Strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada Pihak Pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkat keupayaan dalamnya bagi mencapai visi dan misi yang ditetapkan.